

07/07/2005

ABDULLAH-RAFIDAH

RAFIDAH DIARAH JAWAB DR MAHATHIR, KATA PM

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Kabinet pada mesyuaratnya semalam telah mengarahkan Datuk Seri Rafidah Aziz menulis surat kepada bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menjawab semua isu yang dibangkitkan berkaitan dengan dasar automotif kerajaan oleh penasihat Proton itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu pemberita di sini hari ini bahawa Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu "perlu menjawab kerana isu-isu itu adalah berkenaan kementerian beliau."

Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir ialah tumpuan pengeluaran Permit-permit Kelulusan (AP) kepada segelintir syarikat, dasar auto kerajaan dan juga kemasukan kereta-kereta asing pada harga yang amat rendah yang mengurangkan daya saing kereta nasional.

Dr Mahathir telah menyatakan demikian pada satu sidang akhbar yang dipanggil Selasa lepas di mana beliau mempertahankan cetusan dan kritikan Ketua Pegawai Eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff mengenai dasar auto kerajaan dalam satu wawancara beliau yang diberikan kepada Oriental Daily, sebuah akhbar berbahasa Cina.

Menjawab soalan-soalan daripada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan mengenai Pengurusan Pengetahuan di sini, Abdullah, yang juga Menteri Kewangan, berkata keputusan kerajaan tidak mendedahkan nama-nama pemegang AP kekal tidak berubah.

Dr Mahathir di dalam ulasan-ulasan sebelum ini telah meminta senarai penerima AP diumumkan.

Apabila ditemui semalam di luar pejabat beliau, Rafidah enggan mengulas.

Mengenai sama ada Kabinet telah meminta Rafidah menjelaskan bagaimana hanya 20 syarikat dikeluarkan 54,000 AP, Abdullah berkata: "dia telah ditanya banyak perkara. Dia akan menyediakan dan membekalkan maklumat untuk Kabinet."

Dr Mahathir telah mendakwa bahawa daripada 67,000 AP yang dikeluarkan tahun lalur, hanya 12,600 diberikan kepada 82 syariaht manakala sebahagian besarnya sebanyak 54,000 AP diberikan kepada 20 syarikat.

Menjawab soalan-soalan seterusnya, Abdullah juga berkata kereta nasional "Proton adalah kerfeta kita, kita mahu berjaya. Ya, kita telah melindungi Proton (tetapi) semetnara ki mengurangkan perlindungan secara beransur-ansur, Proton mestilah mengembangkan daya saingnya."

Perdana Menteri berkata Kabinet belum lagi membuat keputusannya mengenai dasar auto negara kerana ia perlu kajian selanjutnya mengenai perkara itu.

"Keputusan mengenai perkara itu akan dibuat pada mesyuarat Kabinet pada masa akan datang," kata Abdullah, tetapi enggan mendedahkan butiran lanjut mengenai dasar itu yang dikemukakan kepada Kabinet semalam.

Selepas menunda pengumuman dasar baru auto negara pada Jun lalu, Rafidah eberkata dasar auto itu berkemungkinan diumujmkan pada September oleh Menteri Kewangan,

Beralih kepada harga-harga minyak yang melambung Perdana Menteri berkata Kabinet turut membincangkan peningkatan dalam harga minyak di pasaran dunia yang kini berlegar sekitar paras tertinggi AS\$61 setong. --  
BERNAMA

JM MSL/MKO MR OS

